

BENKEL PENULISAN SAINTIFIK

Hari 1 : 21 Mac 2017

- Asas-asas Penulisan Saintifik
- Tips-tips Penulisan Saintifik
- Merangka Penulisan Saintifik: Penyediaan Abstrak, Pengenalan & Kaedah
- Penyampaian Keputusan: Teks, Jadual dan Rajah
- Penulisan: Perbincangan dan Kesimpulan
- Menyediakan Rujukan
- Penghantaran kepada Jurnal, Menangani Komen dan Maklum Balas Editor

SEMINAR PENULISAN & PENERBITAN SAINTIFIK

Hari 2 : 22 Mac 2017

- 08:00 : Pendaftaran
- 09:00 : Cetusan Rasa
- 09:10 : Ucapan Alu-aluan
- 09:20 : Ucapan Perasmian serta Ucapan Tema
Penulisan & Penerbitan Saintifik : "Membina Generasi Berilmu"
- 10:20 : Kudapan

Gugus 1 : ETIKA PENULISAN & PENERBITAN SAINTIFIK

- 10:35 : Ucaptama 1 : Kaedah Penyediaan Kertas Penulisan Saintifik : Teori dan Praktikal
- 11:15 : Kertas 1 : Penulisan Review Artikel
- 11:55 : Kertas 2 : Saiz Pensampelan bagi Kajian dan Teknik Pensampelan yang betul
- 12:35 : Forum 1 : Etika Penulisan & Penerbitan Saintifik
- 12:55 : Merarau

Gugus 2 : CABARAN PENERBITAN

- 14:00 : Ucaptama 2 : Karya Terjemahan Dalam Penulisan Saintifik
- 14:40 : Kertas 3 : Analisa Data : Responden yang Tepat
- 15:20 : Kertas 4 : Keberkesanan Jurnal Berimpak Tinggi bagi Penyelidik
- 16:00 : Kertas 5 : Penulisan Sains Popular
- 16:40 : Forum 2 : Cabaran Penerbitan
- 17:00 : Kudapan
- 17:15 : Tamat Hari 1

Hari 3 : 23 Mac 2017

Gugus 3 : PERANAN & MASA DEPAN

- 09:00 : Ucaptama 3 : Kriteria Penulisan Saintifik Bernilai Komersial dari Kaca Mata Pihak Penerbitan Swasta
- 09:40 : Kertas 6 : Langkah-langkah Pusat Penerbitan dalam Menerbitkan Hasil Karya Penulis
- 10:20 : Kudapan
- 10:35 : Kertas 7 : Inisiatif Kerajaan dalam Membantu Pemupukan Budaya Sains di Pendidikan Awal
- 11:15 : Kertas 8 : Pentadbiran Harta Intelekti di Malaysia
- 11:55 : Forum 3 : Peranan & Masa Depan
- 12:15 : Merarau
- 13:00 : TAMAT



BORANG PENDAFTARAN

Nama													
No. Kad Pengenalan													
Emel													
Pakej	A	B	C	D	E	F	G	H					
Diet Khusus													
Yuran Pendaftaran RM												(tunai/cek/deraf bank/pesanan kerajaan)	
hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia.													
Nama Pegawai Melulus													
Jawatan													
Nama Majikan :													
Alamat Majikan :													
Telefon							Faks						

(Salinan fotostat juga diterima)



PERTANYAAN

Sila pos atau faks borang pendaftaran lengkap beserta bayaran kepada:
 Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)
 Bangi, 43000 KAJANG
 (u.p: Pusat Latihan)

Tel.: 03 8911 2000 Samb.: 2608/2601
 Tel. Bimbit: 012-436 7769 (Hajar) / 010-306 2180 (Hidayu)
 Faks: 03 8911 2180

U.p.: Siti Hajar Yusof • Nurhidayu Md.Yusof
 Email: siti_hajar@nm.gov.my • nurhidayu@nm.gov.my



TARIKH TUTUP

Penerimaan borang pendaftaran adalah sebelum **7 Mac 2017**.
 Peserta boleh mendaftar terus pada hari pertama seminar
 dijalankan sekiranya masih terdapat kekosongan.

SEMINAR PENULISAN & PENERBITAN & SAINTIFIK DAN BENKEL "Membina Generasi Berilmu"

Hotel Grand BlueWave, Johor Bahru

21-23 Mac 2017

- Dari Penyelidikan kepada Penulisan
- Cabaran Penulisan dan Penerbitan Saintifik
- Etika, Hak Cipta dan Harta Intelekt
- Keselamatan Maklumat
- Pengurusan Editorial
- Masa Depan Penulisan dan Penerbitan Saintifik
- Bahasa dan Gaya Persembahan
- Penulisan dan Penerbitan Elektronik
- Undang-undang dalam Penulisan dan Akta Penerbitan
- Pemasaran Karya Saintifik
- Penyediaan Manuskrip daripada Hasil Penyelidikan

Anjuran



Dengan Kerjasama

Sokongan



BENKEL PENULISAN SAINTIFIK 1 HARI : 21 MAC 2017

PENGENALAN

Tanggungjawab seorang penyelidik tidak terhenti dengan selesainya kajian di makmal, tetapi tugas mereka perlu dikembangkan dengan menyalurkan keputusan yang didapati kepada masyarakat luar. Bengkel praseminar ini diadakan bagi memberi peluang para peserta untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan penceramah berpengalaman untuk menguasai teknik dan kaedah penulisan saintifik yang berkesan dan bagaimana untuk meningkatkan peluang artikel tersebut diterbitkan.

OBJEKTIF

- ▶ Untuk memahami prinsip asas dalam penulisan saintifik
- ▶ Untuk mendapatkan kemahiran dalam membangun dan menulis artikel saintifik
- ▶ Untuk memberi panduan dalam penyediaan artikel saintifik yang baik
- ▶ Untuk mendapatkan tips menerbitkan kertas penerbitan berwasit dan berimpak tinggi

KANDUNGAN BENKEL

- ▶ Asas-asas penulisan saintifik
- ▶ Kepentingan penulisan saintifik
- ▶ Bagaimana merangka kertas saintifik:
 - Menyediakan abstrak
 - Penulisan pengenalan dan kaedah
 - Penyampaian keputusan (teks, jadual dan rajah) yang berkesan
 - Menulis perbincangan dan kesimpulan yang efektif
 - Menyediakan rujukan
- ▶ Penghantaran kepada jurnal
- ▶ Editor: komen dan bagaimana memberikan maklum balas kepada reviewer secara efektif
- ▶ Tips menangani komen-komen daripada reviewer
- ▶ Tips-tips untuk menulis kertas penerbitan saintifik yang mendapat perhatian editor

SEMINAR PENULISAN & PENERBITAN SAINTIFIK DAN BENKEL

“Membina Generasi Berilmu”

SEMINAR PENULISAN & PENERBITAN SAINTIFIK 2 HARI : 22-23 MAC 2017

PENGENALAN

Seminar ini adalah kali ke-10 penganjurannya. Tema pada tahun ini adalah *‘Membina Generasi Berilmu’* dipilih bagi memantapkan lagi karya saintifik para karyawan di samping membina profesionalisme dalam bidang penerbitan saintifik. Selain itu, ianya disesuaikan dengan cita-cita dan hasrat kita untuk melihat penerbitan di Malaysia terus maju dengan karya-karya asli, berintegriti, berkualiti tanpa dinodai dengan unsur-unsur negatif.

Penulisan dan penerbitan saintifik adalah kunci dalam pembentukan dan penyebaran ilmu kerana ia adalah nadi kepada sistem pendidikan dan pembentukan budaya bangsa. Kemajuan sesebuah negara dan masyarakat biasanya dilandasi khazanah penulisan dan penerbitan yang kukuh. Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa tanpa penulisan dan penerbitan yang aktif, kemajuan masyarakatnya tidak akan berkekalan.

Prinsip penerbitan adalah mendukung aspirasi budaya, intelektual, sosial dan moral dalam menyampaikan ilmu. Penerbitan saintifik perlu diperkasa dan dipersembah dalam gaya yang menarik agar sampai kepada khalayak untuk menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat sejajar dengan saranan kerajaan untuk menjadikan membaca sebagai budaya dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama.

Di dalam era globalisasi ini, dunia penulisan dan penerbitan saintifik berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memenuhi kehendak profesional dan orientasi perniagaan. Lambakan penerbitan bukan saintifik seperti penerbitan hiburan dan fiksi memberi saingan hebat mengakibatkan pasaran penulisan dan penerbitan saintifik sering dibelenggu masalah.

Seminar tahunan ini akan mengupas topik-topik dalam dunia penulisan dan yang akan dibentang oleh tokoh-tokoh yang diiktiraf dan pakar dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik.

OBJEKTIF

- Membina profesionalisme dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik
- Mendedahkan peserta kepada dunia penulisan dan penerbitan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti
- Menambah nilai kepada penulisan dan penerbitan saintifik
- Mendapat praktis terbaik daripada organisasi dan badan yang terlibat dalam penerbitan saintifik

PESERTA

Terbuka kepada karyawan dari sektor awam, badan berkanun dan swasta yang terlibat dalam bidang penulisan dan penerbitan karya khususnya penyelidik, pensyarah, pegawai penerbitan, pustakawan, dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang penulisan dan penerbitan.

SKOP

12 kertas termasuk 1 ucapan tema, 3 ucap terna dan 8 kertas kerja akan dibentangkan oleh tokoh-tokoh penceramah tempatan merangkumi topik-topik di bawah:

- Cabaran penulisan dan penerbitan saintifik
- Hak cipta penerbitan saintifik
- Aspek bahasa dan gaya penulisan
- Penulisan dan penerbitan elektronik
- Undang-undang dalam penulisan dan akta penerbitan
- Pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik
- Pindahan manuskrip daripada hasil penyelidikan
- Terjahan ledakan maklumat dan komunikasi
- Masa depan penulisan dan penerbitan saintifik
- Keselamatan maklumat
- Pengurusan editorial

FORUM

Cabaran, kemajuan dan hala tuju penulisan dan penerbitan saintifik, keselamatan maklumat, isu pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik akan dibincangkan lebih lanjut oleh wakil-wakil dari organisasi dan badan-badan yang terlibat pada akhir setiap gugus seminar.

PEMBENTANG KERTAS KERJA TERDIRI DARIPADA TOKOH-TOKOH HEBAT SEPERTI:

- YBhg. Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- YBhg. Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- YBhg. Datuk Abdul Jalil bin Ali, Penasihat Eksekutif Editorial, Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd.
- YBhg. Prof Dr Gan Siew Hua, Pusat Genom Manusia, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia
- Encik Mohd Khair Ngadiron, Pengarah Urusan, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia

YURAN	BENKEL & SEMINAR	
	A	B
	Pendaftaran Perseorangan	RM1,485.00
	Pendaftaran Berkumpulan (2 atau lebih peserta dari organisasi sama)	RM1,405.00
	Pendaftaran Perseorangan (Dengan penginapan)	RM2,235.00
	Pendaftaran Berkumpulan (Dengan penginapan)	RM2,155.00
SEMINAR		
	Pendaftaran Perseorangan	RM905.00
	Pendaftaran Berkumpulan (2 atau lebih peserta dari organisasi sama)	RM855.00
	Pendaftaran Perseorangan (Dengan penginapan)	RM1,405.00
	Pendaftaran Berkumpulan (Dengan penginapan)	RM1,355.00
• Buku Research Methodology akan diberikan secara PERCUMA bagi setiap peserta yang mendaftar.		
Bagi yang mengambil Pakej Penginapan		
	Bengkel & Seminar	Seminar Sahaja
	Daftar Masuk: 20/3/2017 Daftar Keluar: 23/3/2017	Daftar Masuk: 21/3/2017 Daftar Keluar: 23/3/2017

Borang Pendaftaran lengkap hendaklah disertakan dengan yuran pendaftaran. Yuran termasuk kos bahan kursus, kudapan dan makan tengahari. Bayaran melalui cek / defaf bank / pesanan kerajaan hendaklah dibuat atas nama **Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia**. Sila kemukakan penyata bank semasa pendaftaran sebagai bukti pembayaran.